

06 FEB 2000

Siti Zaharah-Umno

WANITA UMNO KENAL PASTI KUMPULAN PELENGKAP DI CAWANGAN DAN BAHAGIAN

KUANTAN, 6 Feb (Bernama) -- Wanita Umno sedang mengenal pasti kumpulan yang akan menjadi pelengkap kepada pergerakan itu dan secara konsisten memberi penjelasan tentang percanggahan aspek ajaran Islam PAS.

Ketuanya Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman hari ini berkata kumpulan itu akan diwujudkan di peringkat cawangan dan bahagian selaras dengan usaha parti menangkis fatwa PAS yang menyimpang.

"Kita sokong perkara itu harus didedahkan untuk menunjukkan bahawa ia bertentangan dengan pembawaan bidang agama," katanya kepada pemberita selepas perjumpaan dengan anggota Wanita Umno Bahagian Paya Besar, di sini.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Presiden Umno bahawa parti itu akan mengemukakan bukti yang menunjukkan PAS banyak membuat fatwa yang menyimpang dari aqidah Islam.

Siti Zaharah berkata pergerakan itu juga akan meningkatkan program keagamaan dan program penerangan bagi menerapkan nilai-nilai murni yang dapat mengukuhkan perpaduan parti.

"Kita jadikan agama itu sebagai pegangan, landasan, simbol, kebanggaan dan pencapaian dalam semua aspek dan menunjukkan bahawa ia adalah bangsa yang boleh memartabatkan agama dan menyatupadukan (rakyat), bukannya memecah belah," katanya.

Ditanya mengenai kenyataan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz yang akan bertanding kerusi Ketua Wanita bagi mengukuhkan pergerakan itu, beliau berkata: "Saya tak nak buat komen."

Katanya apa yang penting ialah perjuangan wanita dapat menunjukkan bahawa mereka matang, boleh mengukuhkan parti, menyatupadukan rakyat demi kepentingan bangsa dan dapat mengikat kepercayaan rakyat.

-- BERNAMA

SHS NAK